

Pendekatan Motivasi dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Berisiko

Noor Amila Abdul Halim¹, Fariza Md Sham¹, Mohamed Hamdan Abdullah²

1. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.

43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia
E-mail: nooramila91@gmail.com; farisham@ukm.edu.my

2. Kolej Komuniti, RTC Gopeng, Perak, Malaysia
E-mail : elhamra96@gmail.com

Abstrak – Zaman remaja adalah zaman perkembangan yang agak rumit dan sukar difahami bagi orang disekeliling, pada waktu ini akan berlakunya perkembangan dan perubahan dari sudut mental dan fizikal serta berubahan emosi, bagi remaja yang tidak dapat kawal konflik dalam jiwa dan masalah yang dihadapi, mereka berpotensi mengalami tekanan perasaan sertamudah terjerumus dengan gejala sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang remaja berisiko dan bentuk tingkah laku remaja berisiko, pendekatan psikologi dakwah melalui pendekatan motivasi kepada remaja berisiko. Responden kajian ini adalah seramai 73 orang pelajar sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Butterworth Pulau Pinang iaitu Institusi pemulihan akhlak bagi remaja berumur antara 12 hingga 20 tahun yang terlibat dengan jenayah dan tidak dapat dikawal oleh ibu bapa, mereka dimasukkan sekolah ini dibawah perintah mahkamah Kajian ini telah dijalankan pada Januari 2017 dengan menggunakan reka bentuk tinjauan secara kuantitatif melalui persampelan secara rawak. Selain itu, kajian ini menggunakan instrument soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the social Sciences (SPSS versi 23), data kajian ini dianalisis menggunakan analisis diskriptif (kekerapan, peratus dan min). Hasil kajian mendapati tiga bentuk tingkah laku yang mempunyai nilai min yang tinggi iaitu merokok, ponteng sekolah, bergaduh. Artikel ini bertujuan mengkaji pendekatan psikologi dakwah melalui pendekatan motivasi kepada remaja berisiko di Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Butterworth – Pulau Pinang, Malaysia.

Kata kunci : Tingkah Laku; Remaja Berisiko; Demografi; Motivasi.

I. Pendahuluan

Golongan remaja merupakan aset yang penting kepada Negara dan mereka adalah peneraju pemerintahan pada masa akan datang. Zaman remaja juga merupakan zaman pemberontakan jiwa dan suka melakukan perkara yang baru. Remaja adalah zaman perubahan iaitu diantara zaman kanak-kanak pada tempoh ini akan berlakunya perkembangan spiritual, fizikal dan mental (Anuar Puteh 2001:82). Manakala menurut Fariza (2015:4) definisi remaja dari perspektif Islam adalah sudah cukup umur atau baligh dan golongan ini sering berlaku masalah dan konflik sebab itulah punca berlakunya tekanan emosi dan ketegangan. Menurut Azyyati (2014:37) remaja berisiko adalah remaja yang mempunyai ketegangan jiwa apabila mereka tidak diberibimbingan yang seimbang, manakala meneurut perspektif Islam melihat golongan ini adalah seseorang yang penuh dengan tenaga dan potensi. Remaja berisiko mempunyai kaitan dengan proses perkembangan remaja, persekitaran yang negatif, dan sikap keluarga yang tidak memberi perhatian kepada remaja serta masyarakat disekeliling mempengaruhi perlakuan bermasalah dalam kalangan remaja (Azyyati Mohd Nazim 2014).

Psikologi dakwah pula berasal dari kata dakwah iaitu proses seruan atau ajakan, mengajak mad'u dari pelbagai peringkat kearah kebaikan, kemahiran psikologi pula adalah proses untuk memahami kejiwaan manusia adalah suatu kemahiran dalam ilmu dakwah (Fariza, 2015). Ilmu psikologi dakwah adalah suatu ilmu yang mengkaji jiwa manusia untuk tujuan berdakwah (Abd Aziz, 1999).

II. Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini melibatkan 73 orang pelajar Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar, Butterworth – Pulau Pinang Malaysia. Sekolah Tunas Bakti merupakan Institut pemulihan akhlak bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan tidak dapat dikawal, kemasukan mereka di sekolah ini berdasarkan perintah mahkamah dibawah Seksyen 65 (1) Akta kanak-kanak 2001. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk melihat latar belakang remaja berisiko, bentuk tingkah laku remaja serta pendekatan motivasi kepada remaja berisiko. Soal selidik ini juga telah diadaptasi berdasarkan soal selidik kajian Azzyati Mohd Nazim melalui kajiannya berkaitan Peranan NGO Wanita Islam Dalam Menangani Remaja berisiko di Kuala Terengganu (2014) serta soal selidik Zaleha (2014) yang bertajuk “bentuk-bentuk gaya hidup remaja di bandar baru permas jaya Johor Bahru, Malaysia” dan soal selidik kajian Yansari Yusof (2015) berdasarkan kajiannya yang bertajuk Menangani tekanan melalui psikoterapi Islam dalam kalangan pelajar Fakulti pengajian Islam UKM. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu demografi, bentuk tingkah laku remaja, dan pendekatan motivasi. Soal selidik yang digunakan telah diuji melalui ujian kesahan kandungan, kesahan dan kajian rintis telah dilakukan terhadap 30 orang responden remaja yang berumur 16 hingga 22 tahun yang menyertai program Youth bertempat dikem iM4U Meru Klang. Nilai Alpha Cronbach bagi kesemua bahagian menunjukkan nilai 0.95 keatas adalah baik dan diterima, persampelan kajian telah dilakukan secara rawak.

III. Analisis Data

Data daripada kajian ini telah menggunakan analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan min telah digunakan bagi menentukan profil demografi kajian, bentuk tingkah laku remaja berisiko, pendekatan motivasi kepada remaja berisiko. Penentuan hasil kajian adalah berdasarkan nilai peratus, kekerapan dan nilai min, pentafsiran nilai min dalam kajian ini adalah berdasarkan jadual 1 interpretasi skor min yang ditetapkan skala likert 3, bagi skor min 1.00 -1.60 sebagai rendah, manakala skor min 1.67 – 3.32 adalah sederhana dan skor min yang tinggi ialah 3.30 – 5.00

Jadual 1. Interpretasi skor min bagi dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interprestasi
1.00 – 1.66	Rendah
1.67 – 3.32	Sederhana
3.33 – 5.00	Tinggi

IV. Perbincangan Hasil Kajian

4. 1. Latar Belakang Responden

Analisis deskriptif jadual 2 menunjukkan kesemua responden adalah remaja lelaki kerana sekolah Tunas Bakti hanya pelajar lelaki sahaja. Manakala dari segi umur responden 12 hingga 14 tahun (2.7%) adalah sedikit jumlahnya, diikuti responden yang berumur 15 hingga 17 tahun (52.1%) dan yang berumur 18 hingga 20 tahun (39.7%), hal ini menunjukkan lingkungan umur 15 hingga 17 tahun mendominasi institut pemulihan ini, kajian ini selari dengan kajian kajian Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011:126) berkaitan faktor remaja yang terlibat dengan masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka hasil kajian mendapati majoriti remaja yang berumur 15 hingga 17 tahun seramai 57 orang daripada 86 orang responden yang terlibat dengan masalah sosial. Pada usia begini merupa zaman perkembangan yang paling kritikal bagi seseorang remaja untuk mengendalikan hidupnya (Hairunnaja Najmuddin 2003:3).

Selain itu, majoriti responden kajian ini adalah remaja berbangsa Melayu menunjukkan peratusan yang tertinggi berbanding bangsa lain iaitu seramai (94.5%) orang, manakala bangsa India (4.1%) orang dan bangsa Cina (1.4%), hasil kajian ini selari dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Rozmi Ismail & Norhayati Ibrahim (2007) iaitu keseluruhan responden remaja rempit adalah remaja berbangsa Melayu.

Jadual 1, Latar Belakang Remaja

Jantina, Umur, Bangsa dan Agama	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	73	100
Perempuan	0	0
Jumlah	73	100
Umur		
12-14	2	2.7
15-17	38	52.1
18-20	29	39.7
Tidak nyatakan umur	4	5.5
Jumlah	73	100
Bangsa		
Melayu	69	94.5
Cina	1	1.4

India	3	4.1
Jumlah	73	100

Sumber : Soal Selidik 2017

4. 2. Analisis Bentuk Tingkah Laku Remaja Berisiko

Berdasarkan jadual 3, hasil kajian bentuk tingkah laku remaja berisiko di sekolah Tunas Bakti mendapati tiga item bentuk tingkah laku mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu item “merokok”(min=3.63), diikuti item kedua tertinggi ialah “ponteng sekolah” mencatat nilai min yang kedua tertinggi iaitu (min=3.46), ketiga tertinggi ialah item “bergaduh/berlawan” (min=3.38), kesemua item diatas menunjukkan tahap interpretasi skor min yang tinggi iaitu 3.33 keatas. Walaupun begitu, kesemua item yang lain menunjukkan nilai (min= 2.15) keatas iaitu pada tahap sederhana dan hampir mencecah ke tahap skor (min= 3.33) keatas iaitu tinggi, perkara ini amat membimbangkan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa, guru dan masyarakat perlu memberi perhatian.

Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Mohd Nuri.et.al. (2016:10-34) berkaitan bentuk tingkah laku delinkuen remaja SMKA Tok Bachok yang sering berlaku ialah merokok dan mencuri. Manakala Daing Diana Maarof & Mohd Nizam Osman (2013:186) mengatakan faktor pengaruh peribadi dan sendiri merupakan punca remaja terjebak dengan gejala merokok. Menurut majalah kesihatan *OECD Health* (2013:46) merokok pada awal remaja akan meningkatkan risiko penyakit kronik seperti kardiovaskular, pernafasan dan kanser, berdasarkan kajian yang telah dilakukan di beberapa Negara mendapati kanak-kanak berusia lima belas tahun di Austria, Republik Czech, dan Hungary merokok yang paling tinggi, dengan laporan yang lebih daripada 25% bahawa mereka merokok sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Selain itu, bentuk tingkah laku kedua tertinggi adalah gejala ponteng, berdasarkan hasil kajian Sharif & Suria (2016-50-73) untuk mengenal pasti punca pelajar ponteng sekolah, hasil kajian ini mendapati punca utama ialah faktor diri sendiri, kedua faktor hubungan keluarga, faktor ketiga adalah faktor rakan sebaya, manakala faktor keempat adalah sikap guru dan prasarana sekolah. Manakala berdasarkan hasil kajian Azizi Yahaya (2007) kegiatan ponteng sekolah adalah suatu masalah yang amat serius dan perlu ditangani kerana ia memberi kesan negatif terhadap akademik pelajar yang sering ponteng sekolah.

Selain daripada aktiviti salah laku yang ditemui diatas pengkaji juga telah menemui beberapa tingkah laku penghuni sekolah ini yang menyebabkan mereka dimasukkan ke sekolah ini adalah kes meragut dan memotong tangan mangsa apabila mangsa berlawan, terdapat juga kes membunuh guru.

Jadual 3, Bentuk Tingkah Laku Remaja Berisiko

TINGKAH LAKU	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Memeras ugut	36 (49.3%)	10 (13.7%)	9 (12.3%)	16 (21.9%)	2 (2.7%)	2.15
Gasterisme	14 (19.2%)	11 (15.1%)	6 (8.2%)	23 (31.5%)	19 (26%)	2.49
Lumba haram/merempit	14 (19.2%)	11 (15.1%)	6 (8.2%)	23 (31.5%)	19 (26%)	3.30
Berjudi	16 (21.9%)	17 (23.3%)	9 (12.3%)	23 (31.5%)	8 (11%)	2.86
Mencuri	13 (17.8%)	7 (9.6%)	12 (16.4%)	29 (39.7%)	12 (16.4%)	3.27
Mengancam/memukul/mencederakan pelajar	26 (35.6%)	13 (17.8%)	8 (11%)	19 (26%)	7 (9.6%)	2.56
Mencabul kehormatan	37 (50.7%)	9 (12.3%)	8 (11%)	13 (17.8%)	6 (8.2%)	2.20
Pecah rumah	27 (37%)	10 (13.7%)	10 (13.7%)	19 (26%)	7 (9.6%)	2.57
Meragut	34 (46.6%)	16 (21.9%)	7 (9.6%)	8 (11%)	8 (11%)	2.17
Bergaduh/ Berlawan	13 (17.8%)	6 (8.2%)	9 (12.3%)	30 (41.1%)	15 (20.5%)	3.38
Tunjuk Perasaan	23 (31.5%)	14 (19.2%)	8 (11%)	16 (21.9%)	12 (16.4%)	2.86
Memiliki / Menyimpan Dadah/ Pil Khayal	24 (32.9%)	6 (8.2%)	8 (11%)	19 (26%)	16 (21.9%)	2.95
Menjual/mengedardadah/ pil khayal	26 (35.6%)	10 (13.7%)	5 (6.8%)	19 (26%)	13 (17.8%)	3.16
Menghidu Gam	35 (47.9%)	10 (13.7%)	6 (8.2%)	14 (19.2%)	8 (11.0%)	2.31
Perokok	13 (17.8%)	2 (2.7%)	7 (9.6%)	28 (38.4%)	23 (31.5%)	3.63
Vape	17 (23.3%)	7 (9.6%)	9 (12.3%)	22 (30.1%)	18 (24.7%)	3.23
Minum arak	31	4	8	18	12	2.67

	(42.5%)	(5.5%)	(11%)	(24.7%)	(16.4%)	
Ponteng	11	4	14	28	16	3.46
	(15.1%)	(5.5%)	(19.2%)	(38.4%)	(21.9%)	
Membaca/Melihat bahan-bahan dan gambar-gambar lucu	20	13	14	15	11	2.78
	(27.4%)	(17.8%)	(19.2%)	(20.5%)	(15.1%)	
Melakukan Seks bebas	36	7	13	7	10	2.28
	(49.3%)	(9.6%)	(17.8%)	(9.6%)	(13.7%)	
Menonton Vcd/Filem Lucuh	25	10	13	15	10	2.65
	(34.2%)	(13.7%)	(17.8%)	(20.5%)	(13.7%)	
Mengunjungi Pusat Hiburan/Kelab Malam	26	11	7	12	17	2.76
	(35.6%)	(15.1%)	(9.6%)	(16.4%)	(23.3%)	
Merosakkan Harta Benda (<i>vandalism</i>)	35	6	9	20	3	2.31
	(47.9%)	(8.2%)	(12.3%)	(27.4%)	(4.1%)	
Membuli rakan saya	30	9	16	13	5	2.36
	(41.1%)	(12.3%)	(21.9%)	(17.8%)	(6.8%)	

Sumber: Soal Selidik 2017

4. 3. Pendekatan Motivasi Dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Berisiko

Berdasarkan jadual 4 dibawah menunjukkan hasil analisis diskriptif pendekatan motivasi, terdapat tiga item yang menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu item ibu bapa dan guru selalu memberi kata-kata semangat untuk saya menjadi lebih baik (min=4.05), diikuti item kedua tertinggi apabila melihat rakan saya berjaya, saya berasa semangat dan ingin berjaya seperti dia (min=3.94), dan item saya berasa ingin berubah kearah yang lebih baik selepas menghadiri kem motivasi (min=3.79). Menurut Azizi & Halimah (2010:217) motivasi merupakan sesuatu yang dapat menghasilkan suatu tenaga untuk seseorang itu berjaya atau berubah kearah yang lebih baik.

Fariza Md Sham (2006:71) berpandangan pendekatan motivasi kepada remaja dapat meningkatkan keyakinan diri remaja, untuk meningkatkan motivasi remaja adalah dengan dorongan bukan secara paksaan, memberi semangat,inspirasi dan kata-kata yang positif dapat meningkatkan motivasi remaja. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terhadap guru,rakan sebaya dan persekitaran sekolah, adakah mereka ini mempengaruhi motivasi dalam akademik remaja, penglibatan dalam kelas dan di sekolah hasil, kajian mendapati sokongan guru, rakan sebaya memberi kesan yang unik dan mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih berjaya (Sarah M. Kiefer, et.al. 2015:1-18).

Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian Khalid Isa et al. (2008) kajian berkaitan kem motivasi yang telah mereka anjurkan kepada pelajar, pensyarah telah menagadakan kem motivasi untuk pelajar fakulti kejuteraan elektrik dan elektronik yang mendapat keputusan peperiksaan yang lemah. Hasil kajian mendapati majoriti pelajar berpuas hati terhadap pengisian yang telah dilakukan serta memberi maklum balas yang positif, dan terdapat perubahan yang positif selepas menghadiri kem motivasi ini. Selain itu, kaedah pembelajaran yang unik dan menarik iaitu dengan membuat kelas dan pembelajaran yang menarik seperti perhiasan kelas serta penggunaan muzik, sketsa, dan sambungan kepada kehidupan di luar sekolah menunjukkan potensi dan minat pelajar dalam pembelajaran (Ana Raquel Abelha Cavenaghi.et.al 2013:346-354).

Tuntasnya, berdasarkan keseluruhan hasil kajian pengkaji mendapati pendekatan motivasi menunjukkan skor min yang tinggi melebihi (min=3.30) keatas, maka terbukti pendekatan motivasi sesuai dalam menangani tingkah laku remaja berisiko berdasarkan cara yang menarik dan teknik yang sesuai dengan responden kajian.

Jadual 4, Pendekatan Motivasi

Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
Saya berasa ingin berubah kearah yang lebih baik selepas menghadiri kem motivasi	5 6.8%	7 9.6%	14 19.2%	19 26.0%	28 38.4%	3.79
Ceramah motivasi dapat meningkatkan memotivasi dalam diri saya	6 8.2%	8 11.0%	11 15.1%	24 32.9%	24 32.9%	3.71
Ibu bapa dan guru selalu memberi kata –kata semangat untuk saya menjadi lebih baik	3 4.1%	3 4.1%	13 17.8%	22 30.1%	32 43.8%	4.05
Saya rasa semangat dan terinspirasi apabila bersama rakan-rakan yang berjaya	7 9.6%	4 5.5%	19 26.0%	19 26.0%	24 32.9%	3.67
Apabila melihat rakan saya berjaya, saya berasa semangat dan ingin berjaya seperti dia	1 1.4%	6 8.2%	14 19.2%	27 37.0%	25 34.2%	3.94

Sumber: Soal Selidik 2017

V. Kesimpulan

Secara keseluruhannya analisis menunjukkan bahawa bentuk tingkah laku remaja berisiko di sekolah ini amat merisaukan hasil kajian menunjukkan kesemua item mempunyai nilai (min= 2.15) keatas,hal ini perlu diberi perhatian dan merisaukan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa, guru, msyarakat dan negara dalam menangani gejala sosial anak

remaja. Seterusnya, hasil kajian ini juga mendapati berdasarkan faktor latar belakang, tahap pendidikan agama remaja mempengaruhi bentuk tingkah laku remaja. Oleh itu, pendekatan yang sesuai dan berhikmah yang dekat dengan kejiwaan remaja perlu dikenalpasti. Dalam kajian ini fokus pendekatan psikologi dakwah melalui pendekatan motivasi kepada remaja berisiko menunjukkan kesemua item menunjukkan nilai min yang tinggi dan sesuai dengan jiwa remaja yang memerlukan sokongan, semangat, inspirasi dan motivasi untuk berubah kearah yang lebih baik dan lebih berjaya

Rujukan

1. Abd Aziz Mohd Zin. 1999. *Psikologi Dakwah*. Kuala Lumpur: JAKIM.
2. Ana Raquel Abelha Cavenaghi; José Aloyseo Bzuneck; Sueli Édi Rufini. 2013. *Adolescent's Motivation and Their Perceptions of Learning Contexts of Foreign Language*. *Estud. Psicol. (Campinas)* vol.30 no.3 Campinas July/Sept. 2013
3. Anuar Puteh. 2001. Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Jurnal Kajian Malaysia*, Jld XIX, No 2, Disember 2001
4. Azizi Yahaya & Halimah Ma'arof (2010). *Estim sendiri remaja*. UTM. www.penerbit.utm.my
5. Azzyati Mohd Nazim. 2014. *Peranan NGO Islam dalam Menangani Remaja Berisiko di Kuala Terengganu*. Tesis PhD, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: UKM
6. Daing Diana Binti Maarof & Mohd Nizam Bin Osman. (2013). *Pengaruh Faktor Sosial Kesan Kempen Media Tak Nak Merokok Kementerian Kesihatan Malaysia*. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 29(1). Hal. 179-198
7. Fariza Md Sham. 2015. *Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja*. *Jurnal Al-Hikmah*. Jilid 7. Hal. 95-101.
8. Mohd Nuri Mustafa, Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail. 2016. *Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar Malaysia*. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (2). pp. 10-34.
9. Muhammad Sharif Mustafa & Suria Abd Jamil. 2012. *Mengenalpasti Punca – Punca Masalah Ponteng dikalangan Pelajar Sekolah Rendah: Suatu Kajian Kes*. *Fakulti Pendidikan, UTM Journal Of Education Psychology & Counseling*, Vol.6. June 2012, Page 50-73.
10. Hairunnaja Najmuddin. 2003. *Memahami dan Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur. PTS Publication & Distributors SDN BHD
11. Khalid Isa, Masnani Mohamed Jamaludin Jalani, Zarina Tukiran Siti Amely Jumaat, Norfaiza Fuad, Ida Laila Ahmad, Shamsul Mohamad, Siti Zarina Mohd Muji. 2008. *Peranan Kem Motivasi Pelajar Harapan PROPEMP dalam Membantu Meningkatkan Kecemerlangan Akademik Pelajar FKE*. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia*, 22-23 Oktober 2008
12. Sarah M. Kiefer, Kathleen M. Alley, Cheryl R. Ellerbrock. 2015. *Teacher and Peer Support for Young Adolescents' Motivation, Engagement, and School Belonging*. *RMLE Online – Vol. 38, No. 8*.
13. Siti Zaleha Shafi'e. 2014. *Gaya hidup remaja dan hubungannya dengan pengamalan Islam di Bandar Baru Permas Jaya, Johor Bahru*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
14. Rozmi Ismail & Norhayati Ibrahim. 2007. *Faktor-Faktor Mempengaruhi Keterlibatan Remaja Dalam Perlumbaan Motorsikal Haram Dan Hubungannya Dengan Jenis Personaliti, Sokongan Sosial Dan Coping Skill*. *Laporan Akhir Penyelidikan Institute Penyelidikan Dan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia Dan Sukan, Malaysia*.
15. Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan. 2011. *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. *Journal of Education Psychology & Counseling*, Vol.1, Mac 2011, pp.115-140.
16. Yansari Yusof. 2015. *Menangani tekanan melalui psikoterapi Islam dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam-Universiti Kebangsaan Malaysia*. Tesis Sarjana muda: Universiti Kebangsaan Malaysia.